



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj Kami : JPA.500-6/4/1 jld 6 (88)

Tarikh : 24 Disember 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN AMALAN NILAI (SPAN 2.0)
PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2025

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 3 No. 1 Tahun 2021 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Perkhidmatan Awam menetapkan supaya semua kementerian/jabatan/agensi kerajaan melaksanakan pengurusan amalan nilai secara bersepadu dan menyeluruh bagi meningkatkan tahap pengamalan nilai dan integriti dalam kalangan pegawai awam. Inisiatif ini dilaksanakan melalui Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) Perkhidmatan Awam yang memberi keutamaan kepada program penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai di peringkat individu dan organisasi.

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan tahap pengamalan nilai yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Ke 12 (RMKe-12) bagi tahun 2025 adalah CEMERLANG iaitu Indeks Komposit Nilai sebanyak 90% berbanding tahap pencapaian tahun 2023 sebanyak 85%. Sehubungan itu, semua kementerian/jabatan/agensi dikehendaki memastikan sasaran ini dicapai.

4. Bagi menyelaraskan pelaksanaan SPAN 2.0 Perkhidmatan Awam Tahun 2025 bermula 1 Januari 2025, semua kementerian/jabatan/agensi dipohon untuk **menubuhkan Pasukan Pengurusan Nilai Tahun 2025** masing-masing. **Seorang Pentadbir Agensi** perlu dilantik di kalangan ahli Pasukan bagi membantu kementerian/jabatan/agensi menyelaraskan dan memantau pelaksanaan SPAN 2.0 masing-masing. Pelantikan Pentadbir Agensi hendaklah dimaklumkan kepada Jabatan ini dengan melengkapkan **Borang Pendaftaran Pentadbir Agensi** melalui pautan <https://www.interactive1.jpa.gov.my/powerform/FormAgensi/index>

5. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan juga adalah **dimohon untuk memanjangkan hebahan ini kepada jabatan dan agensi di bawah seliaan** Kementerian dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

- i. **Puan Aini Yusnie binti Miskam**
Telefon : 03-88855209
- ii. **Encik Luqman bin Mohd Yusop**
Telefon : 03-88855216 / E-mel : budaya.nilai@jpa.gov.my


6. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)